

*Tarikh dibaca: 13 Julai 2018M | 29 Syawal 1439H*

# **KHUTBAH JUMAAT**

***Tajuk:***

***“PERSIAPAN MENJADI TETAMU  
ALLAH”***

***\*\*\****

***Terbitan:***

***Unit Khutbah***

***Bahagian Pengurusan Masjid***

***JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR***



## **SENARAI AHLI JAWATANKUASA KHUTBAH NEGERI SELANGOR**

- 1. SS. Dato' Haji Haris Bin Kasim (Pengerusi)  
Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor**
- 2. Tuan Haji Mohd Basori Bin Umar (Ahli)  
Mantan Timbalan Pengarah,  
Jabatan Agama Islam Selangor**
- 3. Ketua Penolong Pengarah, (Setiausaha)  
Bahagian Pengurusan Masjid,  
Jabatan Agama Islam Selangor**
- 4. SS. Dato' Dr. Haji Anhar Bin Haji Opir (Ahli)  
Timbalan Mufti, Jabatan Mufti Negeri Selangor**
- 5. Ustaz Muhammad Farhan Bin Wijaya (Ahli)  
Imam Besar Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah**
- 6. Ustaz Indera Shahril Bin Mohd Shahid (Ahli)  
Pegawai Majlis Agama Islam Selangor**
- 7. Tuan Haji Abdul Halem Hapiz Bin Salihin (Ahli)  
Ketua Penolong Mufti (Fatwa),  
Jabatan Mufti Negeri Selangor**
- 8. Dato' Haji Abdul Majid Bin Omar (Ahli)  
Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor**
- 9. Yg. Berbahagia Dr. Haji Osman Bin Haji Sabran (Ahli)  
Mantan Pensyarah Universiti Industri Selangor**
- 10. Tuan Haji Hamid Bin Md Isa (Ahli)  
Pensyarah, Kolej Universiti Islam Selangor**
- 11. Tuan Haji Md. Sahari Bin Abdullah (Ahli)  
Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor**
- 12. Hairol Azmi Bin Khairudin (Urus Setia)  
Penolong Pengarah (Unit Khutbah)  
Bahagian Pengurusan Masjid**



## “PERSIAPAN MENJADI TETAMU ALLAH”

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: الْحَجُّ أَشْهُرٌ مَّعْلُومَةٌ فَمَنْ فَرَضَ فِيهَا الْحَجَّ فَلَا رَفَثَ وَلَا فُسُوقَ وَلَا جِدَالَ فِي الْحَجِّ وَمَا تَفَعَّلُوا مِنْ خَيْرٍ يَعْلَمَهُ اللَّهُ وَتَزَوَّدُوا فَإِنَّ خَيْرَ الزَّادِ التَّقْوَىٰ وَاتَّقُونِ يَا أُولِيَ الْأَلْبَابِ<sup>١</sup>

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ ۖ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ

**Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,**

Saya berpesan buat diri saya dan tuan-tuan sekalian. Marilah kita bertaqwa kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala suruhan-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya kerana taqwa adalah bekalan utama untuk kita bertemu mengadap Allah SWT di akhirat kelak.

<sup>1</sup> Al-Baqarah : 197.



Khutbah Jumaat minggu ini bertajuk **"PERSIAPAN MENJADI TETAMU ALLAH."**

**Hadirin Jumaat sekalian,**

Perjalanan haji bukanlah perjalanan biasa. Ia adalah perjalanan memenuhi undangan Allah untuk mengunjungi Baitullah. Kerana itulah, ungkapan yang sentiasa diulang-ulang oleh Jemaah haji adalah:

لَبَّيْكَ اللَّهُمَّ لَبَّيْكَ، لَبَّيْكَ لَا شَرِيكَ لَكَ لَبَّيْكَ،  
إِنَّ الْحَمْدَ، وَالنِّعْمَةَ، لَكَ وَالْمُلْكَ، لَا شَرِيكَ لَكَ

*"Aku menyahut panggilan-Mu, Aku menyahut panggilan-Mu, Aku menyahut panggilan-Mu. Tiada sekutu bagi-Mu. Sesungguhnya segala pujian, kenikmatan dan kerajaan adalah milik-Mu. Tiada sekutu bagi-Mu".*

**Hadirin yang berbahagia,**

Bagi menyempurnakan ibadah yang agung ini, kita perlulah menyediakan segala keperluan yang diperlukan, antaranya:

Pertama: Persiapan ilmu. Seorang bakal haji hendaklah sentiasa belajar dan mengulangkaji cara dan kaedah melaksanakan ibadah ini serta hal-hal yang berkaitan dengannya meliputi rukun-rukun haji, wajib haji dan syarat-syaratnya serta larangan-larangan ketika ihram, begitu juga memahami cara melakukan solat jamak dan qasar ketika bermusafir. Jangan pergi dalam keadaan jahil dengan menganggap ia mudah. Jangan berfikir untuk meniru orang lain sahaja dalam melaksanakan ibadah ini kerana ia melibatkan pelbagai kaedah yang berbeza antara kita dengan orang lain. Walaupun tinggal di penempatan yang sama, jemaah haji mungkin mengerjakan haji yang berbeza sama ada haji Ifrad, Tamattu' atau Qiran.



Oleh itu, setiap individu perlu mengetahui perjalanan hajinya sendiri dengan ilmu yang dipelajari dalam kursus-kursus dan latihan yang pernah dihadiri.

Kedua: Persiapan harta untuk perbelanjaan di tanah haram, tambang perjalanan yang mencukupi untuk pergi dan balik, serta bekalan untuk perbelanjaan harian ahli keluarga dan tanggungannya sepanjang tempoh sepeninggalannya mengerjakan haji di tanah suci.

Ketiga: Penjagaan kesihatan dan persiapan fizikal. Selain dari harta, ibadah haji juga melibatkan aktiviti fizikal yang banyak seperti tawaf, sa'i, melontar jamrah. Oleh itu, Penjagaan kesihatan sangat perlu. Ada baiknya sebelum berangkat, bakal haji melatih dirinya dengan aktiviti berjalan kaki agar tubuhnya tidak terkejut dengan aktiviti fizikal di sana.

Keempat: Persiapan rohani dan jiwa. Inilah persiapan paling utama kerana perjalanan jauh menunaikan haji adalah untuk beribadah kepada Allah dengan mengikhlaskan niat berbekalkan taqwa kepada Allah. Firman Allah dalam surah al-Baqarah, ayat 197:

...وَتَزَوَّدُوا فَإِنَّ خَيْرَ الزَّادِ التَّقْوَىٰ وَاتَّقُونِ يَا أُولِي

الْأَلْبَابِ ﴿١٩٧﴾

*"...dan hendaklah kamu membawa bekal dengan secukupnya kerana sesungguhnya sebaik-baik bekal itu adalah takwa dan bertaqwalah kepada-Ku wahai orang-orang yang berakal."*

### **Muslimin yang dirahmati Allah SWT,**

Jemaah haji juga hendaklah bertaubat dari segala dosa yang pernah dilakukannya. Ini adalah kerana selain memenuhi tuntutan rukun iman,



matlamat mengerjakan haji adalah untuk mendapat keampunan daripada Allah SWT. Ada baiknya bakal haji hendaklah mendapatkan kemaafan daripada rakan dan taulannya sebelum berangkat ke tanah suci Makkah. Semoga apabila kembali nanti, kita akan bersih daripada segala kesalahan antara kita dengan Allah dan sesame manusia. Sabda Rasulullah SAW seperti yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah Radhiallahu Anhu:

مَنْ حَجَّ لِلَّهِ فَلَمْ يَرْفُثْ وَلَمْ يَفْسُقْ رَجَعَ كَيَوْمِ  
وَلَدَتْهُ أُمُّهُ

*“Sesiapa yang mengerjakan haji dalam keadaan dia tidak menggauli isterinya dan tidak melakukan maksiat, maka dia kembali seperti hari dia dilahirkan oleh ibunya (tiada lagi dosa padanya)”.*

*(Riwayat al-Bukhari).*

Para tetamu Allah juga hendaklah membiasakan diri dengan ibadah-ibadah sunat seperti qiamullail dan memperbanyakkan bacaan ayat-ayat suci al-Quran selain daripada ibadah wajib yang semestinya dilaksanakan. Kehadirannya di Masjidil Haram dan Masjid Nabawi nanti perlu dipenuhi dengan pelbagai amal ibadah lantaran ganjaran amalan di situ digandakan oleh Allah SWT.

Para tetamu Allah juga perlu meningkatkan sifat sabar kerana perjalanan ibadah hajinya nanti akan berhadapan dengan pelbagai cabaran dan dugaan, sama ada fizikal mahupun mental. Perhimpunan haji yang melibatkan jutaan manusia itu tentunya mengandungi pelbagai ragam yang menuntut kesabaran setiap individu yang hadir di sana.

**Hadirin sidang Jumaat sekalian,**



Bagi yang belum dipanggil dan mendapat giliran mengerjakan haji, eloklah juga membuat persiapan dan persediaan awal. Ini termasuklah mencukupkan simpanan untuk mengerjakan haji. Oleh kerana haji adalah ibadah yang memerlukan kemampuan, maka setiap Muslim wajar berusaha memenuhi kemampuan itu. Sebagai memenuhi rukun Islam yang kelima, dia hendaklah mendaftarkan diri dengan pihak pengurusan haji dan berdoa kepada Allah SWT agar mendapat peluang untuk mendapat giliran menunaikan haji.

Hadis daripada Ali Radhiallahu Anhu bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ مَلَكَ زَادًا وَرَاحِلَةً تُبَلِّغُهُ إِلَى بَيْتِ اللَّهِ وَلَمْ  
يُحِجَّ فَلَا عَلَيْهِ أَنْ يَمُوتَ يَهُودِيًّا، أَوْ نَصْرَانِيًّا

*“Orang yang mempunyai kemampuan (harta) dan kenderaan yang boleh digunakannya untuk melaksanakan ibadat haji ke Baitullah tapi dia tidak melaksanakannya, maka jangan menyesal kalau dia mati dalam keadaan Yahudi atau Nasrani.”*

*(Riwayat at-Tirmizi).*

### **Hadirin Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,**

Mengakhiri khutbah pada minggu ini, marilah sama-sama kita hayati beberapa perkara berikut:

1. Umat Islam hendaklah meyakini bahawa ibadah haji adalah rukun Islam yang wajib ditunaikan sebagai memenuhi tuntutan akidah Islam yang kita anuti.



2. Umat Islam hendaklah berazam dan berniat untuk menunaikan ibadah fardhu haji supaya kematiannya kelak dalam keadaan telah berazam atau telah menyempurnakan rukun Islam.
3. Umat Islam hendaklah melengkapkan ilmu semua ibadah yang dilakukan supaya ibadah yang dilakukan itu bertepatan dengan syariat Allah SWT.
4. Umat Islam hendaklah menghayati falsafah haji yang merupakan perhimpunan tahunan terbesar umat Islam sebagai lambang dan wadah perpaduan dan penyatuan ummah yang berpaksikan kesatuan akidah dan ibadah kepada Allah Yang Maha Esa.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ  
وَأَدِّنْ فِي النَّاسِ بِالْحَجِّ يَأْتُوكَ رِجَالًا وَعَلَى كُلِّ ضَامِرٍ  
يَأْتِينَ مِنْ كُلِّ فَجٍّ عَمِيقٍ ﴿٢٧﴾

*"Dan serukanlah umat manusia untuk mengerjakan Ibadat Haji, nescaya mereka akan datang ke rumah Tuhanmu dengan berjalan kaki, dan dengan menunggang berjenis-jenis unta yang kurus yang datangnya dari berbagai jalan (dan ceruk rantau) yang jauh."*

(al-Hajj : 27)





بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي  
وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ  
مَنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.  
أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ  
وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ  
الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

\*\*\*\*\*

Abu /Nurul  
03.07.2018



## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ  
الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ  
لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ  
وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ  
وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا  
عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ  
فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

**Sidang Jumaat yang dirahmati Allah SWT,**

Mimbar Jumaat sekali lagi berpesan supaya kita sentiasa bertakwa kepada Allah SWT dan menyedari bahawa Islam mengajar kita supaya bersikap sederhana dalam segala amalan. Kita amatlah dituntut agar menampilkan kemuliaan akhlak, sikap dan keperibadian tinggi kerana Rasulullah SAW diutus untuk menyempurnakan akhlak dan sebagai rahmat bagi seluruh umat dan sekalian alam. Oleh itu marilah kita sentiasa memperbanyakkan selawat dan salam ke atas Nabi kita Muhammad SAW. Firman Allah SWT:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا  
صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.



اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدٍ سَيِّدِ  
الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ  
وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ  
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ  
مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ يَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ. اللَّهُمَّ اعِزِّ  
الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكَ الْكُفْرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ  
وَالْمُشْرِكِينَ وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ. وَانصُرْنَا  
عَلَى الْقَوْمِ الْكَافِرِينَ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ،  
وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى، أَنْ  
تَحْفَظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ، وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ  
الصِّمْدَانِيَّةِ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ، سُلْطَانَ  
سَلَاطُونَ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج  
ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عبد العزيز شاه  
الحاج. اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعُونَ وَالْهَدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ،



وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِيُولِيَ عَهْدِ سَلَاطُونَ، تَعْكُو  
أَمِيرِ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانِ شَرَفُ الدِّينِ ادریس شاه  
الحاج، فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا  
ذَ الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اَللَّهُمَّ أَطْلُ عُمْرَهُمَا مُصْلِحَيْنِ  
لِلْمُؤَظَّفَيْنِ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ  
الهُدَى وَالرَّشَادِ.

Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan kami rahmat dan nikmat, sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkukuhkan negara umat Islam, sebagai negeri yang maju, sejahtera dan berkeadilan dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai ketua agama Islam di negeri ini.

Justeru kami pohon kehadiran-Mu ya Allah, tetapkanlah iman dan pegangan kami kepada Ahli Sunnah Wal-Jamaah, terimalah amalan soleh kami, suburkanlah jiwa kami dengan budi pekerti yang mulia, satukanlah hati-hati kami, kurniakanlah kami rezeki yang luas lagi barakah, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat, lindungilah kami daripada bala bencana dan peliharalah kami daripada ajaran yang terkeluar daripada Islam seperti Qadyani dan ajaran sesat seperti Syiah, serta ajaran-ajaran lain yang difatwakan menyeleweng dari ajaran Islam atau bertentangan dengan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Ya Allah bukannya hati kami untuk mendirikan solat fardhu lima waktu, menunaikan zakat melalui Lembaga Zakat Selangor, mewakaf dan menginfaqkan harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan Tabung Amanah Pembangunan Islam Selangor.



رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّاتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا  
لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ  
حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي  
الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ  
يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ  
يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ  
وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

\*\*\*\*\*